

## **UCSI tawar program Pengurusan Acara dan Pelancongan**

KUCHING, Rabu — Program Pengurusan Acara dan Pelancongan yang ditawarkan di Universiti UCSI bukan sahaja membolehkan pelajar menjadi pengurus dan perancang acara, malah boleh membantu individu yang ingin memulakan perniagaan dalam pengurusan acara.

Pengarah Urusan Komunikasi UCSI, Gracie Geikie berkata, pelajar dalam bidang Pengurusan Acara dan Pelancongan biasanya mempunyai pelbagai pilihan karier.

"Ini kerana mereka mampu mengaplikasikan pengalaman dan kemahiran untuk menjadi pengatur acara atau perancang acara, serta boleh memulakan perniagaan pengurusan acara sendiri.

"Selain itu, pelajar juga mampu mereka bentuk serta menghasilkan satu acara baharu bagi meningkatkan keuntungan peniagaan sendiri," ujarnya.

Jelasnya, pelajar bidang ini juga berkemahiran untuk menjadi pengurus persidangan pengatur, pakar pameran,

pengurus muzik atau konsert dan menjadi pengedar barang untuk industri pengacaraan.

"Rantaian dalam industri ini adalah menarik, anda akan mempunyai banyak peluang. Paling penting, bekerja dalam industri ini tidak membosankan, tekanan yang hebat dan mencabar," katanya. Keterangan lanjut mengenai bidang dan program yang ditawarkan di Universiti UCSI, boleh menghubungi 082-455255 atau [www.ucsiuniversity.edu.my](http://www.ucsiuniversity.edu.my).